

Kembara ekonomi Melayu

Oleh IZHAM YUSOFF

HUJUNG bulan ini kita bakal meraikan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-50. Selari dengan niat untuk meraikan 'jubli emas' kemerdekaan ini, perlu juga untuk kita menelusuri semula hasrat pembangunan ekonomi yang dirangka khusus untuk mengangkat tahap ekonomi orang Melayu. Sepanjang period masa 1957 - 2007, telah beberapa kali kita melaksanakan pelbagai kongres, seminar, kolokium, bengkel dan apa jua medium untuk memastikan kebangkitan ekonomi orang Melayu.

Kita perlu menghayati apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di dalam ucapan bertajuk 'Menoleh ke Belakang, Mara ke Depan: 50 tahun Perniagaan di Malaysia' pada 15 Jun 2007 - kalau kita ingin menghayati cita dan aspirasi 'wajah Malaysia merdeka' pada tahun 2057 nanti. Impian 2057 bukan aspirasi kosong, sebaliknya suatu pernyataan harapan yang bersejarah dan relevan dengan tuntutan masa.

Tidak ada salahnya mengimpikan pemenang nobel keamanan dunia, syarikat korporat yang bersifat global, pemilikan jenama utama terkenal, artis/penyajak tersohor, pemilik paten saintifik terbesar dunia, pemain sukan termasyhur dan pasukan bola sepak 'kuasa Asia'. Ini bukan angan-angan kosong. Semua ini adalah citra sebuah bangsa merdeka yang benar-benar memeluk dunia.

Masa memberikan bukti, bahawa pengisian sebenar kemerdekaan adalah dengan kemampuan 'mentadbir urus politik dan ekonomi' negara secara berdikari. Wujud kesadaran yang bersungguh, bahawa kitalah yang mampu bersenar-benarnya menjana kemajuan bangsa sendiri - tanpa memerlukan nasihat orang luar. Denai kemerdekaan perlu disusuli dengan 'kembara ekonomi' yang mantap dan padu.

Sepanjang kembara ekonomi itulah, wujud pelbagai cadangan, desakan, tuntutan dan idea bagi pengukuhan ekonomi Melayu dalam erti kata yang sebenarnya. Bermula dengan Kongres Ekonomi Bumiputera 1965, beberapa lagi siri pertemuan dilaksanakan bagi menentukan *survival* bangsa Melayu lebih dirasai di tanah air yang tercinta ini.

Penyediaan asas penguat ekonomi Melayu

Misalnya, seminar ekonomi anjuran UM-NO bertarikh 8 dan 9 Mei 1976 memberikan perhatian kepada usaha melihat persoalan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Antara yang menjadi teras cadangan pada ketika itu adalah seperti berikut:-

- Membuka peluang pekerjaan supaya pengangguran dapat dikurangkan;

- Menambah pendapatan mereka yang berada dalam perusahaan dan pekerjaan yang berpendapatan rendah;

- Membuka peluang kaum bumiputera untuk menceburkan diri dalam bidang yang diceburi;

- Cadangan membuka tanah-tanah baru untuk pertanian.

Dalam tempoh kira-kira hanya lima tahun selepas pelaksanaan DEB, sudah wujud kecenderungan dan kesungguhan di kalangan pimpinan dan intelektual Melayu untuk membicarakan DEB secara yang lebih praktikal dan berkesan. Hakikatnya, sesebuah polisi atau dasar yang baik tidak boleh hanya berada di atas kertas, sebaliknya perlu menjadi landasan sebenar kepada usaha pembangunan ekonomi.

Wujud suatu keadaan yang mendesak untuk melihat DEB sebagai 'prime-mover' kepada gerakan pemerikasaan ekonomi orang Melayu. Period awal DEB inilah di mana kita dapat menyaksikan banyak usaha awal dilaksanakan bagi membantu masyarakat Melayu untuk menyusun kesiagaan ekonomi secara yang lebih padu. Kita dapat melihat peranan Mara (sebelum itu RIDA) yang lebih mantap, perkembangan Felda, penubuhan Urban Development Authority (UDA), Lembaga Padi Beras, PERNAS, Bank Pertanian dan beberapa entiti lain sebagai jawapan kepada usaha ini.

Sejajar dengan period masa itu jugalah, beberapa akta baru digubal sebagai pelengkap kepada usaha pemerikasaan ekonomi orang Melayu. Industrial Coordination Act (1975), menyatakan bagaimana pemberian lesen dan sebagainya perlu melihat kepada struktur ekuiti, pembangunan sumber manusia dan penggunaan pakar tempatan. Walaupun mendapat sedikit ketidakpuashatian di kalangan masyarakat perniagaan bangsa Cina, akhirnya, 'rasional luas' berkenaan ICA ini diterima pakai juga.

Gabungan penubuhan entiti baru dan penerapannya dasar inilah yang menjadi asas kepada pelaksanaan DEB. Walaupun wujud dan tampak jejak perubahan dari sudut kesiagaan ekonomi bumiputera, ianya masih belum mampu untuk mencapai maksud dan hala sebenar DEB.

Memahami pentas persaingan sebenar

Selepas hampir 10 tahun pelaksanaan DEB, sudah wujud cadangan yang lebih terperinci dan menyeluruh. DEB tidak boleh bersifat 'terpecah-pecah'. Justeru itu, melalui satu lagi seminar ekonomi yang diadakan pada tahun 1980, beberapa cadangan yang lebih spesifik dibentangkan.

Keperluan pengurus-pengurus bumiputera yang sedang berkhidmat dihantar secara *attachment* ke institusi perbankan terke-

Bermula dengan Kongres Ekonomi Bumiputera 1965, beberapa lagi siri pertemuan dilaksanakan bagi menentukan *survival* bangsa Melayu lebih dirasai di tanah air yang tercinta ini.

muka (kertas kerja kewangan dan pelaburan);

Dasar Pemilikan Rumah Kebangsaan (sebuah institusi perumahan bumiputera (tanah dan perumahan);

Mekanisme Pengawalan Harga (pertanian dan perikanan);

Memperhebat usaha membangun bidang kemahiran, sekolah menengah vokasional dan lain-lain (pekerjaan, tenaga kerja dan latihan);

Penubuhan Finas, menyekat kemasukan filem asing (perfileman)

Penubuhan sebuah agensi tertentu yang mempunyai kapasiti di dalam bidang pemborong bahan binaan, menambah penglibatan bumiputera dalam bidang ini (pemborong dan pembinaan);

Dengan pelbagai cadangan yang lebih spesifik, ternyata bahawa bumiputera masih lagi merasakan 'padang permainan belum cukup rata'. Kita terpaksa menerima hakikat bahawa wujud kekangan yang lebih besar dalam kita membina kumpulan perniagaan bumiputera yang lebih *vibrant* dan mampu.

Pencapaian bumiputera pasca DEB

Pada tahun 1999, berlangsung satu lagi seminar mengenai pencapaian orang Melayu. Ironinya, seminar ini dilangsungkan sembilan tahun selepas 'tempoh sebenar' DEB seharusnya ditamatkan. Namun, menyedari DEB itu sebuah 'sasaran yang bergerak', semangat DEB tidak ditamatkan begitu sahaja dari sudut pelaksanaan dasar.

Krisis ekonomi yang melanda di penghujung dekad 90-an bagaikan memberikan petanda bahawa kita sudah berada di dalam arus globalisasi sebenar. Kita tidak bebas secara total dari gangguan segala macam spekulator dan penyangak mata wang. Krisis ekonomi seakan memberi kita kesedaran bahawa kita berada dalam 'sistem ekonomi' yang serba ganas dan zalim. Persoalan dan angkubah sosial tidak wujud sama sekali dalam kamus para spekulator yang hanya mempunyai perlambangan untung rugi.

Sekali lagi, beberapa cadangan seminar pencapaian bumiputera, mencadangkan usaha-usaha berikut:-

Pendidikan

Memperbanyak pelantikan guru-guru pakar dalam bidang sains dan matematik;

Meningkatkan peruntukan ke sekolah rendah;

Mewujudkan dua buah Kementerian, Pengajian Tinggi dan Pelajaran;

Menggabungkan Kementerian Sumber

Manusia dan Kementerian Pelajaran;

Pembangunan pendidikan, guna tenaga

Semua sekolah menengah agama baru diberikan kemudahan 'sekolah bestari';

Bilangan politeknik dan institusi kemahiran Mara ditambah 100 peratus;

Menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam menyediakan pendidikan, pelbagai peringkat;

Peranan institusi kewangan

Pegwujudan pelbagai dana yang membantu usahawan bumiputera (contoh: Tabung Usahawan Baru, Tabung Industri Bumiputera, Tabung IKS, Dana Khas Pelancongan, Pembangunan Sistem Francais)

Kita terpaksa akur dengan kenyataan bahawa kebanyakan daripada cadangan ini telah pun dilaksanakan oleh kerajaan. Daripada spektrum pembangunan modal insan (sekolah rendah ke institusi pengajian tinggi), sehinggalah kepada kewujudan pelbagai dana/tabung/insentif yang ditujukan khas kepada kaum bumiputera.

Ekonomi bumiputera: 2007 - 2057

Pendekatan baru perlu diambil untuk memantapkan DEB seperti yang dicadangkan oleh Khairy Jamaluddin di persidangan UM-NO tahun 2005. DEB mesti dicapai semula supaya melahirkan pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi secara inklusif oleh semua kaum. Isu ketirisan, sama ada dilakukan sengaja atau 'sistemik' - mestilah menjadi isu lampau yang dimansuhkan secara perlahan dan meyakinkan.

Penulis merasakan keperluan perhatian total diberikan kepada persoalan pembangunan modal insan di kalangan anak Melayu. Kita perlu cepat mengkaji sejauh mana orang Melayu mampu membina 'talent pool' dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM: Science, Technology, Engineering and Mathematics). Inilah trend dunia. Inilah asas kepada k-ekonomi yang sering kali kita perkatakan.

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan sekolah berasrama penuh lainnya perlu menjadikan STEM sebagai asas utama. Kalangan graduan MRSM, Sekolah Sains dan sebagainya 'MESTI' menghabiskan tempoh pembelajaran mereka dalam aliran Sains. Ianya mestilah berasaskan merit dan kalangan yang gagal mengekalkan pencapaian baik - mesti dipulangkan semula ke sekolah biasa. Kerajaan sebenarnya menanggung kerugian sekiranya kalangan yang 'terpilih' ini menyambung pelajaran dalam bidang lain.

Selain daripada itu, kita mesti meningkatkan tahap dan pencapaian 'sekolah teknik dan aliran vokasional'. Tahapnya mesti dinaikkan dengan cepat dan berganda. Perlu usaha yang lebih bersungguh untuk melakukan 'merger' dengan pasaran kerja berteknologi tinggi. Kita perlu mengembangkan subjek vokasional baru yang lebih relevan dengan pasaran kerja: sijil/diploma dalam kejuruteraan petroleum misalnya mesti lebih bersifat terbuka.

Bidang kejuruteraan petroleum misalnya, mempunyai nilai pasaran yang sangat tinggi. Kita masih lagi memerlukan lebih ramai 'kakitangan sokongan teknikal berteknologi tinggi'. Khabarnya, Petronas sendiri akan berhadapan dengan masalah ini tidak beberapa lama lagi kerana wujudnya 'brain drain' tenaga pakar dan sokongan dalam bidang kejuruteraan petroleum dan proses.

Penulis melihat potensi untuk kita menjadi 'pemain dunia' dalam menyediakan modal insan dalam bidang kejuruteraan petroleum. Kewibawaan dan tahap teknologi yang ada pada Petronas perlu diberikan pengembangan yang merata. Lebih menarik lagi, tahap kebolehppercayaan syarikat minyak gergasi Asia Barat kepada kepakaran Malaysia adalah pada tahap yang tertinggi.

Selain modal insan, suasana ekonomi perlu berasaskan merit dan kewibawaan. Masa dan zaman untuk melaksanakan 'konsortium - berasaskan kenal siapa'; mesti dirubah kepada 'konsortium - berasaskan tahu bagaimana'. Kita tidak boleh membiarkan usaha yang bersifat substandard dan tidak berasaskan merit.

Sistem pembangunan vendor yang wujud di kalangan GLC mesti diberikan pemerikasaan dan akses yang lebih adil. Perlu diperkenalkan 'sistem gradasi' yang lebih tersusun dan tidak membenarkan 'kelompok sama' mendapat peluang berulang kali dan akhirnya mengambil mudah dengan persoalan *survival* dan menjaga kualiti kerja.

Bidang ekonomi baru seperti penyediaan tenaga alternatif, bioteknologi, *high-end outsourcing*, hab halal yang menyeluruh - boleh menjadi batu loncatan pembangunan ekonomi bumiputera yang lebih baik. Matlamat dan strategi melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera generasi baru mesti menjadi lebih tersusun dan komprehensif.

Kita memerlukan 'lonjakan berganda' dalam semua segi. Tanyakan seorang anak Melayu - mungkin mereka akan berkata kita hanya mampu mengira sehingga 10 dengan jari-jemari yang ada. Anak kecil kaum lain sudah mampu mengira sehingga 'seratus' dengan jumlah jari-jemari yang sama! Mungkin analogi ini terlalu simplistik, tetapi mungkin itulah gambaran awal kepada keperluan kita untuk melipatgandakan usaha dan keyakinan. Semoga Malaysia dan orang Melayu akan meraikan kemerdekaan dengan lebih bermakna pada 2057 nanti.



Malaysiaku Gemilang